

**SURAT PEMBERITAHUAN**  
**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**BILANGAN 08/ 2025**

**BENKEL DAN PEPERIKSAAN MELAYU ISLAM BERAJA (MIB)**  
**BAGI TAHUN 2025**

Dengan hormat sukacita Jabatan Perkhidmatan Awam mempelawa pegawai-pegawai yang layak untuk mengikuti bengkel dan peperiksaan yang tersebut di atas.

Syarat-syarat untuk mengikuti bengkel dan peperiksaan tersebut adalah seperti berikut:

**1. SYARAT UTAMA**

- 1.1 Pegawai-Pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (B.A.S);
- 1.2 Pegawai-Pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Perhubungan Awam yang dipersyaratkan untuk menduduki dan lulus peperiksaan Melayu Islam Beraja (MIB);
- 1.3 Pegawai-pegawai dalam Bahagian II **yang mahu** mengikuti bengkel dan peperiksaan Melayu Islam Beraja (MIB).

**2. SYARAT LAIN**

- 2.1 **PEGAWAI YANG MEMOHON** untuk menduduki peperiksaan dimestikan mengikuti bengkel dan seterusnya menduduki peperiksaan;
- 2.2 Pegawai yang pernah menduduki peperiksaan MIB tetapi gagal dikehendaki untuk mengikuti bengkel sebelum menduduki peperiksaan.



### 3. JADUAL BENGKEL DAN PEPERIKSAAN

TARIKH PEPERIKSAAN		TARIKH PERMOHONAN	
BENGKEL	PEPERIKSAAN	DIBUKA	DITUTUP
13 – 14 Oktober 2025 Isnin - Selasa	18 Oktober 2025 Sabtu	30 Ogos 2025 Sabtu	13 September 2025 Sabtu


\*\* Tarikh-tarikh yang dinyatakan adalah tertakluk kepada sebarang perubahan.

### 4. TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan dan pencalonan hendaklah dibuat secara dalam talian (*Online*) menggunakan Sistem Sumber Manusia (SSM) melalui *Department HRD Administrator* di Kementerian/Jabatan masing-masing.
- 4.2 Pencalonan adalah bagi pegawai yang memohon untuk mengikuti bengkel dan menduduki peperiksaan sahaja. Bagi pegawai yang memohon dan diluluskan untuk mengikuti bengkel dan menduduki peperiksaan, hendaklah memastikan kehadiran semasa bengkel dan peperiksaan tersebut.
- 4.3 ***Department HRD Administrator* di Kementerian/Jabatan masing-masing akan menerima pemberitahuan melalui *front end SSM* mengenai permohonan yang telah dihadapi iaitu sama ada diluluskan atau ditolak. *Department HRD Administrator* seterusnya akan memaklumkan status permohonan tersebut kepada pemohon di Kementerian/Jabatan masing-masing.**

### 5. HAL – HAL LAIN

- 5.1 Pemohon dikehendaki untuk menghadapkan surat atau e-mel tunjuk sebab ke Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Ketua Jabatan masing-masing sekiranya tidak dapat hadir untuk menduduki peperiksaan dengan alasan yang munasabah:
  - 5.1.1 Sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum tarikh peperiksaan dijalankan bagi ketidakhadiran yang disebabkan oleh perkara-perkara yang diketahui awal dan tidak dapat dielakkan;



- 5.1.2 Tidak lewat dari satu (1) minggu selepas tarikh peperiksaan bagi ketidakhadiran yang disebabkan oleh perkara-perkara di luar jangkaan.
- 5.2 Bagi pegawai yang tidak hadir disebabkan masalah kesihatan, hendaklah menghadapkan sijil cuti sakit dari rumah sakit/pusat kesihatan Kerajaan atau klinik swasta yang diiktiraf melalui Ketua Jabatan masing-masing.
- 5.3 **Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengambil tindakan yang bersesuaian terhadap pemohon yang TIDAK HADIR / MENARIK DIRI dari menduduki peperiksaan tanpa makluman dan sebarang alasan yang munasabah. Tindakan ini termasuklah menengguhkan pendaftaran semula peperiksaan yang akan datang.**

## 6. KETERANGAN LANJUT

Bagi sebarang pertanyaan, bolehlah berhubung terus melalui talian atau e-mel berikut:

Telefon : 2382469 sambungan 410

E-mel : [exam.hrsu@psd.gov.bn](mailto:exam.hrsu@psd.gov.bn)

Sekian peramba/kaola/saya sampaikan untuk makluman bersama.

وَاللَّهُ يَتَوَفَّقُ

*"Keberdayatahanan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam Pemangkin Kesejahteraan Negara"*  
*"Kelestarian Alam, Warisan Kitani Bersama"*

  
[ DR. NORFARIZAL BIN OTHMAN ]  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

## CARTA ALIRAN TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN

